

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1992/93

April 1993

HMP 204 Linguistik Sejarah dan Perbandingan
Bahasa Melayu Polinesia

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DALAM TIGA [3] MUKA SURAT.

Jawab EMPAT [4] soalan. SOALAN NO. 1 (a) DAN (b) MESTI dijawab dan pilih mana-mana TIGA [3] soalan yang lain.

1. Huraikan dan hubung kaitkan di antara:

(a) Istilah-istilah berikut dengan bahasa-bahasa di dalam rumpun Austronesia; filum, rumpun, keluarga dan subkeluarga bahasa.

(10 markah)

(b) Teori-teori tanah asal penutur Austronesia dengan kawasan penyebaran bahasa Austronesia yang luas.

(30 markah)

2. Menurut fikiran anda apakah faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya persamaan kata di dalam bahasa-bahasa yang berbeza? Perlukah faktor-faktor tersebut diambil kira jika anda ingin menentukan kekerabatan di antara bahasa?

(20 markah)

3. Soalan 3 (a) dan (b) berdasarkan JADUAL 1, 2 dan 3 yang berikut. Ketiga-tiga Jadual ini menunjukkan kesepadan fonemis di antara beberapa bahasa Austronesia yang berkerabat.

JADUAL 1

Bahasa	Perkataan
Melayu	darah
Batak	dara
Madura	doro
Bugis	dara
Tagalog	dugo
Bisaya	dogo
Dayak	daha
Jawa	rah

JADUAL 2

Perkataan	Melayu	Jawa	Bugis	Tagalog
bara	bara	wangwa	wara	baga
beras	beras	wos	wara	bigas
beri	beri	weh	were	bigai
bibir	bibir	wiwi	wiwe	bibig

JADUAL 3

Perkataan	Melayu	Batak	Madura	Tagalog
beras berat	beras berat	boras borat	bereus bero'	bigas bigat

(a) Apakah yang dimaksudkan dengan mencari kesepadan fonemis di antara bahasa-bahasa yang berkerabat?

(4 markah)

(b) Berdasarkan perkataan-perkataan yang diberi di dalam ketiga-tiga Jadual yang disediakan,uraikan langkah-langkah yang perlu dibuat untuk mendapatkan seperangkat (atau sekelompok) kesepadan fonemis.

(16 markah)

4. Apabila sudah ditentukan kekerabatan di antara bahasa, maka bahasa-bahasa dikelompokkan ke dalam satu-satu kumpulan untuk menentukan tingkat kekerabatan. Sebut dan huraikan cara-cara pengelompokan yang digunakan khusus untuk mengelompokkan bahasa-bahasa di dalam rumpun Austronesia.

(20 markah)

5. Jawab dengan ringkas perkara-perkara berikut:

- (a) Hukum Grimm.

(5 markah)

- (b) Tanggapan Kerja Palsu (False Working Assumption) di dalam kaedah rekonstruksi luaran mengandaikan bahawa ...

(5 markah)

- (c) Implikasi kaedah perbandingan ialah pewarisan fonem-fonem tertentu dari bahasa purba ke dalam bahasa-bahasa kerabat. Pewarisan fonem secara linear dan pembelahan (split) ialah ...

(5 markah)

- (d) Idiolek dan dialek di dalam kaedah dialektologi membawa pengertian ...

(5 markah)

6. Dengan memberikan contoh-contoh tertentu daripada bahasa Austronesia huraikan salah satu daripada dua kaedah linguistik sejarah dan perbandingan yang berikut:

- (a) Leksikostatistik dan glotokronologi

- (b) Prosedur penelitian dialektologi

(20 markah)